

21 AUG 1996
Mahathir-Iran
PELABURAN MALAYSIA BANTU RAKYAT IRAN

SHAH ALAM, 21 Ogos (Bernama) -- Malaysia tidak mempunyai sebab untuk takut kepada sebarang sekatan oleh Amerika Syarikat setelah melabur dalam industri minyak dan gas di Iran kerana langkah itu bertujuan membantu rakyat negara berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata pelaburan menerusi Petronas itu bukan untuk menyokong kerajaan Iran atau membantunya dalam apa juga bentuk.

"Kita tahu mengenai perasaan secara umum di Amerika...kita menyokong bekerja dengan Amerika dalam hal-hal tertentu tetapi jika ada yang kita tidak setuju, kita tidak akan bekerja dengan mereka," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Asia-Pasifik mengenai Fisiologi Tumbuhan di sini.

Beliau berkata Malaysia mempunyai hak membuat penilaiannya sendiri.

Dr Mahathir diminta mengulas langkah Petronas memiliki 30 peratus saham dalam medan minyak Iran Sirri A dan E menerusi anak syarikatnya Carigali. Urusniaga itu diluluskan oleh pihak berkuasa Iran.

Pengumuman mengenainya dibuat dua minggu selepas Presiden Bill Clinton menandatangani rang undang-undang yang menghukum syarikat asing yang melabur lebih US\$40 juta (RM100 juta) atau lebih setiap tahun dalam sektor tenaga di Iran atau Libya.

Dr Mahathir berkata Amerika tidak cuba menghalang Malaysia daripada mengadakan urusan itu.

"Setahu saya, tidak ada. Perkara itu tidak dimaklumkan kepada kita," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia sekadar membantu rakyat Iran "yang dijadikan mangsa kerana mereka tidak dapat menyingkir kerajaan mereka yang negara lain tidak suka."

"Saya berpendapat ini tidak adil. Apakah yang harus mereka buat? Mereka mungkin dibunuh dalam proses ini (menggulingkan kerajaan).

"Walaupun kita berpegang bahawa negara-negara yang dianggap ganas harus dihukum, kita berpendapat bahawa rakyat yang tidak bersalah tidak harus pula dihukum. Kita tidak boleh menyebabkan seluruh negara lapar," katanya. --

BERNAMA

ES MAI